

Presiden Halimah puas dapat perjuang hak pekerja, pastikan tempat kerja yang lebih adil

SEMASA membesar dalam keadaan keluarga yang susah, Presiden Halimah Yacob terdorong menjadi peguam agar golongan lemah dan terdedah berpeluang mendapatkan keadilan.

Keadaan keluarganya yang miskin menjadi lebih mencabar apabila bapanya meninggal dunia.

Akibatnya, beliau terpaksa menghabiskan sebahagian besar masa kanak-kanaknya membantu ibunya mengusahakan gerai makanan.

“Saya menyaksikan betapa sedikitnya kuasa dan suara bagi mereka yang tidak mempunyai sumber,” kata Puan Halimah dalam temu bual yang diterbitkan dalam majalah alumni Fakulti Undang-undang Universiti Nasional Singapura (NUS) edisi Disember 2021.

Keadaan itu mendorong beliau menuntut bidang undang-undang di NUS, dan kemudian menyertai Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) sebagai peguam yang menasihati kesatuan sekerja dan pekerja mengenai hubungan industri dan hak pekerjaan.

Ia bukanlah pekerjaan glamor pada zaman itu, dan pergerakan buruh tidak dianggap sebagai majikan yang menawarkan gaji yang baik.

Tetapi bagi Puan Halimah, yang akhirnya berkhidmat selama 33 tahun di NTUC, apa yang lebih penting ialah beliau dapat memperjuangkan tempat kerja yang lebih adil.

Walaupun hubungan industri kebanyakannya aman ketika itu, beliau melihat peranannya sebagai membantu mengimbangi kuasa rundingan antara kesatuan sekerja dengan majikan yang mempunyai sumber yang baik.

“Ia tempoh yang sangat memuaskan kerana saya merasakan bahawa saya memberi suara kepada pekerja, memperjuangkan hak mereka dan memastikan tempat kerja yang lebih adil,” katanya kepada majalah *Law Link*.

Biarpun beliau memasuki politik pada 2001, usaha memperjuangkan kebajikan kumpulan yang terdedah terus menjadi fokus utama Puan Halimah.

“Ia tempoh yang sangat memuaskan kerana saya merasakan bahawa saya memberi suara kepada pekerja, memperjuangkan hak mereka dan memastikan tempat kerja yang lebih adil.”

– Presiden Halimah Yacob.



Sebagai Anggota Parlimen (AP) dari 2001 hingga 2011 – sebelum beliau dilantik sebagai Menteri Negara di Kementerian Pembangunan Masyarakat, Beliau dan Sukan ketika itu dari 2011 hingga 2013 dan kemudiannya Speaker Parlimen dari 2013 hingga 2017 – beliau sering bercakap mengenai kos isu sara hidup, penjagaan kesihatan mampu milik dan pekerjaan yang adil.

Apabila Puan Halimah menyertai politik, beliau merupakan AP wanita Melayu pertama sejak merdeka.

Beliau memberitahu *Law Link* bahawa beliau mahu menyumbang kepada komuniti yang lebih luas, bukan hanya pergerakan buruh, dan juga merasakan tanggungjawab menunjukkan contoh kepada wanita lain.

“Salah satu tugas saya di NTUC adalah memujuk wanita muda menjawat

jawatan kepimpinan dalam kesatuan mereka sendiri atau dalam NTUC. Ia satu tugas menggerunkan kerana ramai menyebut kesukaran mengimbangi kerja dan keluarga sebagai penghalang besar,” tambahnya.

“Setelah meluangkan masa memujuk wanita melangkah dan berkorban bagi tujuan yang lebih tinggi, saya merasakan bahawa saya harus mengamalkannya sendiri. Saya percaya penting bagi wanita terlibat dalam penggubalan dasar dan membuat suara mereka didengari.”

Beliau kemudiannya terus memecahkan lebih banyak siling kaca – apabila dipilih sebagai Speaker Parlimen wanita pertama pada 2013 dan dipilih dalam satu pilihan raya khas sebagai presiden wanita pertama pada 2017.

Sebagai Presiden, Puan Halimah menumpukan pada nilai teras kepelbagaian

budaya, meritokrasi dan pengawasan, yang dikenal pasti sebagai asas kejayaan berterusan Singapura semasa ucapan perasmian sebagai ketua negara.

Antara lain, beliau mengusulkan Persidangan Antarabangsa mengenai Masyarakat Kohesif, yang menghimpunkan peserta dari seluruh dunia agar menggalakkan persefahaman dalam kalangan masyarakat berbeza.

Sidang julung kali diadakan pada 2019, dengan Raja Abdullah II dari Jordan memberikan ucapan. Puan Halimah berkata terdapat rancangan mengadakan persidangan susulan tahun ini.

Walaupun beliau percaya Singapura meraih pencapaian besar dalam kesaksamaan jantina, dan berharap beliau telah membuka jalan kepada wanita lain, beliau akui bahawa “sikap masyarakat terhadap wanita belum dimodenkan sepenuhnya”.

Beliau berkata “mungkin masih ada jangkaan terhadap wanita supaya memikul lebih banyak tanggungjawab menjaga, dan tanggapan yang telah diprasangka tentang peranan yang harus dimainkan wanita dan bagaimana wanita harus berkelakuan”.

Beliau menyambut baik usaha berterusan meningkatkan status wanita, seperti Tahun Meraikan Wanita SG pada 2021, tetapi menambah bahawa mengubah undang-undang dan dasar sahaja tidak akan berhasil, walaupun ia penting dalam merangka isu.

Beliau berkata: “Kita perlukan anjakan minda yang kuat dengan wanita dilayan secara hormat dan sebagai anggota masyarakat yang sama.”

Wanita mempunyai pendidikan yang lebih baik sekarang, mahukan peluang sama rata dan juga mahu suara mereka didengari, dan tidak ada yang menghalang kemajuan ini, tambahnya.

Diminta memberi nasihat kepada peguam wanita, beliau berkata: “Nasihat saya kepada wanita dalam undang-undang adalah menjadi yang terbaik.”

“Jangan sekali-kali berfikir daripada kedudukan lemah tetapi daripada kedudukan yang kuat.”